

16 JUN 2003

Galeri-Mahathir/I

GALERI SERI PERDANA DIBUKA DALAM MASA DUA BULAN LAGI

BATU GAJAH, 16 Jun (Bernama) -- "Galeri Seri Perdana" di Kuala Lumpur yang akan menampilkan kepada orang ramai "di sebalik tabir" kehidupan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan dibuka dalam masa dua bulan lagi.

Ketua Pengarah Arkib Negara Datuk Habibah Zon berkata, kerja-kerja pengubahsuaian di bekas kediaman rasmi Dr Mahathir dan keluarga sudah 95 peratus siap dan ia akan dibuka dengan rasmi sebelum Perdana Menteri bersara pada Oktober.

"Galeri ini akan menunjukkan bagaimana Perdana Menteri hidup di kediaman itu dan apa yang dilakukannya selain daripada urusan rasmi beliau," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku "Tokoh-Tokoh Batu Gajah, Perak" yang ditulis oleh Sultan Perak, Sultan Azlan Shah di Sekolah Menengah Sultan Yussuf di sini, hari ini.

Beliau berkata, kini satu penyampaian video bertema "Sehari Dalam Kehidupan Perdana Menteri" sedang disiapkan untuk tatapan para pelawat galeri itu.

"Ini akan menunjukkan kehidupan sederhana Dr Mahathir walaupun beliau memegang jawatan Perdana Menteri. Ramai yang berpendapat beliau mempunyai bilik tidur yang besar tetapi mereka akan terkejut apabila melihat tempat sebenar," kata beliau lagi.

Habibah berkata kebanyakan daripada ciri-ciri kediaman itu yang dihuni oleh Dr Mahathir selama hampir 16 tahun sebelum berpindah ke Putrajaya pada 1998, telah dikekalkan, termasuk bilik tidurnya, bilik bacaan, dapur dan ruang makan.

Sehinggakan, kerusi yang digunakannya untuk menggunting rambut akan ditempatkan di lokasi yang sama, katanya.

"Kita juga tahu minat Dr Mahathir dalam pertukangan kayu. Kami telah mengekalkan tempat di mana beliau melakukan kerja-kerja pertukangan kayu. Beliau juga berminat dengan kerja-kerja menanam bunga dan masih ingat setiap satu daripada tanaman yang ditanamnya," kata beliau.

Beliau berkata galeri itu berbeza daripada yang terdapat di tempat lahir Dr Mahathir di Alor Setar.

Galeri itu juga akan dilengkapi dengan sebuah teater dan beberapa daripada barangan peribadi Dr Mahathir, kata Habibah.

-- BERNAMA

AR PR